Qalam

KDN 434

152, Shawwal 1382, Mac 1963, 60 sen

Darihal Kita

Al-ḥamduli'Lāh, dengan masuknya bulan Ramaḍān dan Hari Raya ini maka genaplah usia majalah ini 13 tahun iaitu dari keluarannya yang pertama pada bulan Shawwal tahun 1369 Hijrah dan genaplah pula pada saat itu akan usia penerbitan Qalam selama 15 tahun.

Di dalam masa yang panjang itu Qalam, majalahnya dan penerbitannya, telah merasai beberapa kesulitan dan kepayahan dan demikian juga telah merasai pula nikmat-nikmat yang diberi Tuhan kepadanya.

Di dalam perkembangannya, dari masa diterbitkannya hingga sekarang maka dasarnya tidak pernah diubah iaitu mendirikan yang haq, yang difikirkannya haq membela umum terutamanya di dalam perkara-perkara yang mengenai agama.

Al-ḥamduli'Lāh, dengan taufiq dan hidayahNya, Qalam terus menerus menjalankan khidmat ini di dalam apa jua yang mengenai agama. *al-ḥamduli'Lāh* selama itu, walaupun menghadapi berbagai-bagai rintangan majalah itu terus berjalan. Kemahuannya dalam meneruskan dasar-dasarnya adalah semata-mata didapati dengan bantuan dan kerjasama sekalian pembaca-pembaca, pembantu-pembantunya, penulis-penulisnya, dan kakitangan-kakitangannya yang menumpukan khidmatnya kepadanya.

Juga kita tidak dapat melupakan akan jasa-jasa almarhum Ustaz Hasyim Yunus, A. Osman Kalam, al-Shaykh Mohammad Shazali Othman Sarawak, al-Sayyid Abdullah bin Shaykh bil Faqih, Dato' Mufti Johor al-Syed Alwi bin Tahir al-Haddad dan lain-lainnya yang dalam masa hayat mereka selalu memberi petunjuk di dalam soal agama.

Demikian juga kepada kakitangan-kakitangannya, terutamanya di dalam Jabatan Karang Mengarang Penerbitan Qalam yang telah lalu, di antaranya encik-encik Ahmad bin Hasban, Nuruddin bin Abdul Rahman, al-Sayyid Hussain bin Ali al-Saqqaf, al-Sayyid Jaafar Albar, al-Shaykh Abdullah bin Muhammad Basmeh, Jimi Asmara dan lain-lainnya.

Kepada pembantu-pembantunya yang telah memberikan bantuannya dalam masa-masa yang lalu tidaklah kita dapat lupakannya terutamanya kepada yang dihormati Dato' Doktor Za'ba dan almarhum A. Adnan bin Ariffin, almarhum Haji Musa bin Yusuf (Pak Lomak) dan lain-lainnya.

Dengan bantuan tenaga inilah semuanya majalah Qalam dan penerbitan Qalam dapat terkenal dan hidup hingga sekarang. Kepada khidmat-khidmat semuanya, adalah kita berasa terhutang budi dan berharap Allah akan membalaskan jasa mereka dengan sebaik-baik balasan – Amin.

Mudah-mudahan penerbitan Qalam dan majalah Qalam akan terus menerus berjalan mendapatkan pembacanya dan dapat meneruskan khidmatnya terutamanya di dalam perkara mengenai agama Islam dan perkembangannya adanya.

Hari Raya Aidil Fitri 1382 H

Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Wa Lillah al-Ḥamd

Telah hampir-hampir 1400 tahun lamanya, kita umat Islam menghadapi bulan Mubarak, bulan yang berbahagia ini dengan ucapan syukur dan tahmid memuji kebesaran Allah.

Sebelumnya, menyambut Aidil Fitri ini, kita telah berpuasa, sebulan lamanya di dalam bulan Ramaḍān, yang diturunkan di dalamnya al-Qur'ān yang mulia, sebagai panduan hidup kepada manusia dan XXX XXX.